

# Larian bantu pesakit kanser

**Serdang:** Kira-kira 200 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai larian amal, Miles for MAKNA, bagi mengutip dana untuk disalurkan kepada Majlis Kanser Negara (MAKNA).

Sebanyak RM1,200 yang berjaya dikumpulkan menerusi kutipan yuran penyertaan RM15 bagi orang awam dan RM5 untuk pelajar UPM itu akan digunakan bagi membantu meringankan beban pesakit kanser negara ini.

Pengarah program Miles For MAKNA, Noor Adilla Abdullah, berkata program itu antara pengisian aktiviti Karnival Sri Kandi Negara anjuran Kolej 11, UPM.

"Karnival ini diharapkan dapat mencungkil bakat pelajar menjadi perintis dalam pelbagai bidang keusahawa-

nan, kepemimpinan, sosial dan keprihatinan terhadap masyarakat sekeliling," katanya.

Turut hadir bagi memeriahkan larian amal itu ialah Pengetua Kolej 11, UPM, Iza Dura Abdul Manan dan Eksekutif Kanan MAKNA, Paity Basri.

## **Pesakit kongsi pengalaman**

Larian amal yang dilaksanakan dengan kerjasama MAKNA itu turut menampilkan seorang mangsa kanser yang berkongsi pengalaman beliau mengenai kanser payudaranya.

Leha Othman, 32; yang disahkan mengidap kanser payudara pada 2008, berkata setiap orang perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya dua kali

setahun terutama mereka yang mempunyai ahli keluarga yang pernah mengalami penyakit itu.

"Kaji selidik MAKNA menunjukkan 80 peratus orang memberi alasan sibuk dan tidak mempunyai masa untuk berjumpa doktor.

"Bagi wanita pula, mereka bimbang untuk berjumpa doktor walaupun sedar ada



## **FAKTA NOMBOR**

# 200 pelajar

UPM sertai larian Miles for MAKNA



*Sebahagian daripada pelajar UPM yang menyertai larian amal 'Miles For MAKNA'.*

kelainan pada payudara sedangkan pengesanan awal termasuk menjalani pemeriksaan mamogram boleh membantu mereka terselamat daripada ancaman maut," katanya ketika berucap pada program itu.

Sementara itu, Pengurus Penyelidikan MAKNA, Yusof Mohamed Aris, berkata seramai 24,000 pesakit kanser di Malaysia menerima bantuan rawatan setiap tahun.

"Pesakit kanser akan menerima keperluan rawatan

termasuk kemopot untuk rawatan kemoterapi.

"Kita harus peka mengenai perubahan keadaan tubuh kita, jika menghadapi sakit, contohnya, demam berlarutan, segera dapatkan rawatan di hospital," katanya.